

Media Title : Kosmo
Headline : Doktor rugi RM285,000 selepas diperdaya scammer
Date : 28 January 2026
Section : Negara!
Page : 5



Doktor rugi RM285,000 selepas diperdaya scammer

KUANTAN – Seorang doktor berputih mata apabila wang simpanan dan duit pinjaman bank bernilai RM285,000 lesap selepas terperdaya dengan kes penipuan melalui panggilan telefon.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, kejadian bermula 31 Disember lalu selepas mangsa yang merupakan

lelaki berumur 31 tahun menerima panggilan telefon daripada beberapa individu yang menyamar sebagai wakil syarikat tenaga elektrik

“Suspek mendakwa mangsa terlibat dalam kes ubah suai meter elektrik, pengubahan wang haram serta aktiviti penipuan digital.

“Sindiket kemudian mengarahkan mangsa untuk terus berhubung dengan suspek serta diminta melaporkan pergerakan harian dan membuat pinjaman kewangan kononnya untuk siasatan bersama pihak bank,” katanya.

Menurut Yahaya, mangsa telah memindahkan wang ke tujuh

akaun bank berbeza melibatkan 12 transaksi, selain membeli 35 keping resit Razer Gold Topup dan menyerahkan nombor pin kepada suspek berjumlah RM285,000.

Tambahnya, mangsa hanya menyedari telah ditipu selepas diminta menyerahkan sejumlah wang tambahan dan gagal meng-

hubungi suspek. Dia kemudian membuat laporan polis.

Dalam pada itu katanya, polis menasihatkan orang ramai agar tidak panik apabila menerima panggilan telefon daripada individu tidak dikenali yang mendakwa daripada agensi penguat kuasa atau syarikat utiliti dan kewangan.